



Para alim ulama sedang asyik mendengar ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Tun Abdul Razak.

Di antara kata-kata beliau yang sangat meruntun jiwa para hadirin ialah sewaktu beliau membentangkan pendapatnya bahawa umat Islam haruslah dilepaskan oleh pemimpin-pemimpin Islam yang terdiri dari intelektual dan para alim ulama Islam daripada empat jenis belunggu pertama: belunggu penjajahan, kedua: belunggu kemiskinan, dan ketiga: belunggu pemikiran usang dan keempat belunggu ekonomi.



Para peserta sedang mendengar penerangan-penerangan yang diberikan oleh penulis kertas-kertas kerja dalam persidangan.